

MOFECON-GR (MYCOPHENOLIC ACID GASTRO-RESISTANT TABLETS)

Mycophenolic Acid (as Mycophenolate Sodium) (180, 360 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mofecon-GR
2. Bagaimana Mofecon-GR berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mofecon-GR
4. Cara menggunakan Mofecon-GR
5. Semasa menggunakan Mofecon-GR
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mofecon-GR
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Mofecon-GR

Mofecon-GR tergolong dalam kelas ubat immunosuppressant (pil rintangan immunisasi). Ubat ini mengurangkan tindak balas badan anda terhadap sesuatu yang dianggap sebagai “asing”, termasuk organ pindahan.

Bagaimana Mofecon-GR berfungsi

Mofecon-GR digunakan untuk mencegah badan anda daripada menolak buah pinggang yang dipindahkan. Mofecon digunakan bersama ubat lain yang mengandungi ciclosporin dan kortikosteroid.

Sebelum menggunakan Mofecon-GR

Mofecon-GR hanya akan diberikan menerusi preskripsi untuk anda oleh doktor yang berpengalaman dalam ubat pemindahan organ. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakannya:

- jika anda alah kepada mycophenolate mofetil, mycophenolic acid atau bahan lain terkandung dalam ubat ini
- jika anda mampu hamil tanpa membuat ujian kehamilan
- jika anda mengandung, merancang untuk hamil atau memerhatikan anda mungkin hamil

- jika anda tidak menggunakan kaedah kontraseptif yang berkesan
- jika anda wanita menyusui.

Jika anda mengalami mana-mana keadaan di atas, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Mofecon-GR.

- Wanita yang mengandung dan menyusui

Sekiranya anda hamil atau menyusui, atau fikir anda mungkin mengandung atau merancang untuk mempunyai bayi, tanya kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini. Doktor anda akan berbincang dengan mengenai risiko jika hamil dan alternatif yang anda boleh buat untuk mencegah penolakan organ pemindahan and jika:

- Anda merancang untuk menjadi hamil.
 - Anda terlepas atau fikir anda telah terlepas haid, atau anda mengalami pendarahan haid yang luar biasa, atau mengesyaki anda hamil.
 - Anda melakukan seks tanpa menggunakan kaedah kontrasepsi yang berkesan.
- Jika anda hamil semasa rawatan dengan mycophenolate, anda mesti memaklumkan kepada doktor anda dengan segera. Walau bagaimanapun, terus mengambil mycophenolate sehingga anda berjumpa dengan doktor.

- Kontraseptif dalam wanita yang mengambil Mofecon-GR

Sekiranya anda seorang wanita yang boleh hamil, anda mesti menggunakan dua kaedah kontraseptif yang berkesan dengan Mofecon-GR. Ini termasuk:

- Sebelum and mula mengambil Mofecon-GR
- Semasa rawatan dengan Mofecon-GR
- Selama 6 minggu selepas anda berhenti mengambil Mofecon-GR.

Jumpa dengan doktor anda tentang kontrasepsi yang paling sesuai untuk anda. Ini bergantung pada keadaan individu anda. Hubungi doktor anda secepat mungkin, jika anda berfikir kontraseptif anda mungkin tidak berkesan atau jika anda terlupa untuk mengambil pil konservatif anda.

- Kontraseptif untuk lelaki yang mengambil Mofecon-GR

Anda mesti selalu menggunakan kondom semasa rawatan dan sekurang-kurangnya 90 hari selepas anda berhenti mengambil Mofecon-GR.

Sekiranya anda merancang untuk mempunyai anak, doktor anda akan berbincang tentang risiko dan rawatan alternatif yang boleh diambil untuk mencegah penolakan organ pemindahan anda.

- Sebelum mula menggunakan Mofecon-GR

Sila beritahu doktor anda jika anda mempunyai keadaan atau penyakit lain. Khususnya, beritahu doktor anda:

- Jika anda mempunyai tanda-tanda jangkitan seperti demam atau sakit tekak
- Jika anda mempunyai sebarang lebam yang tidak diduga atau pendarahan
- Jika anda pernah mempunyai masalah dengan sistem penghadaman anda seperti ulser perut
- Jika anda merancang untuk hamil

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan herba.

Secara khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan berikut sebelum anda memulakan Mofecon-GR

- Ejen imunosupresif (ubat yang mengurangkan aktiviti sistem

MOFECON-GR (MYCOPHENOLIC ACID GASTRO-RESISTANT TABLETS)

Mycophenolic Acid (as Mycophenolate Sodium) (180, 360 mg)

imunisasi) seperti azathioprine dan tacrolimus

- Ubat yang digunakan untuk merawat kolesterol tinggi termasuk cholestyramine
- Activated charcoal yang digunakan untuk merawat masalah pencernaan seperti cirit-birit, sakit perut, dan angin.
- Antasid yang mengandungi magnesium and aluminium
- Ubat digunakan untuk merawat jangkitan viral seperti aciclovir dan ganciclovir

Cara menggunakan Mofecon-GR

Anda harus mengambil Mofecon-GR mengikut arahan doktor. Jangan mengambil dos lebih daripada yang disyorkan.

- Berapa banyak harus digunakan

- Dos harian untuk Mofecon-GR ialah 1440mg, diambil sebagai 2 dos berasingan 720mg setiap satu.
- Maknanya mengambil 4 pil Mofecon-GR 180mg atau 2 pil Mofecon-GR 360mg pada waktu pagi dan 4 pil Mofecon-GR 180mg atau 2 pil Mofecon-GR 360mg pada waktu petang.
- Dos pertama 720mg akan diberikan dalam masa 48 jam selepas pemindahan.
- Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak pil Mofecon-GR untuk diambil.

-Bagaimana menggunakan

Telan tablet anda secara keseluruhan dengan segelas air. Jangan memecahkan atau menghancurkan tablet tersebut.

-Bila perlu digunakan

Anda harus mengambil Mofecon-GR sebelum atau selepas makan.

-Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa mengambil Mofecon-GR tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil ubat anda pada bila-bila masa, makan sebaik sahaja anda mengingatnya. Kemudian terus mengambil ubat pada masa yang biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos terlepas.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil Mofecon-GR lebih daripada yang sepatutnya, berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital dengan segera. Anda juga perlu melakukan ini jika orang lain terambil ubat anda. Sila ambil pek ubat bersama anda.

Semasa menggunakan Mofecon-GR

- Perkara yang perlu dilakukan

- Pakai pakaian pelindung yang melindungi kepala, leher, tangan dan kaki anda atau guna pelindung matahari dengan faktor perlindungan yang tinggi untuk menghadkan jumlah cahaya matahari dan cahaya UV yang anda dapat. Ini kerana Mofecon-GR dengan mengurangkan aktiviti imun badan anda dan meningkatkan risiko kanser kulit.
- Jika anda berpotensi hamil, anda mesti menggunakan kaedah kontrasepsi yang berkesan (dua kaedah kontrasepsi) sebelum, semasa atau 6 minggu selepas mengambil Mofecon-GR.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan.

Jangan berhenti mengambil Mofecon-GR melainkan doktor memberitahu anda. Jika anda menghentikan rawatan anda, anda boleh meningkatkan risiko penolakan organ yang dipindahkan anda. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lanjut tentang penggunaan produk ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda perlu mengambil vaksin (vaksin hidup) ketika mengambil Mofecon-GR, beritahu dengan doktor atau ahli farmasi anda dahulu. Doktor

anda akan menasihati anda tentang jenis vaksin yang anda boleh ambil.

Anda tidak boleh menderma darah semasa rawatan dengan Mofecon-GR dan sekurang-kurangnya 6 minggu selepas menghentikan rawatan.

Lelaki tidak boleh menderma air mani semasa rawatan dengan Mofecon-GR dan sekurang-kurangnya 90 hari selepas menghentikan rawatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Mofecon-GR boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Anda boleh berbincang dengan doktor anda secepat mungkin jika anda mengalami kesan sampingan yang serius seperti berikut:

- Anda mengalami simptom jangkitan seperti demam dan sakit tekak
- Anda berdarah
- Anda mempunyai ruam, bengkak muka, bibir, lidah atau tekak, dengan kesukaran bernafas - anda mungkin mengalami tindak balas alahan yang serius terhadap ubat (seperti anafilaksis, angioedema)

Kesan-kesan sampingan yang biasa termasuk cirit-birit, perubahan dalam bilangan sel darah putih dan muntah.

Kanak-kanak mempunyai risiko yang lebih tinggi mengalami kesan sampingan ini.

Mofecon-GR mengurangkan sistem imun badan anda untuk mencegah badan anda menolak organ yang dipindahkan. Oleh itu, kekerapan jangkitan anda lebih tinggi, termasuk otak, kulit, mulut, perut, paru-paru, sistem kencing dan sebagainya.

Sesetengah pengguna Mofecon-GR mempunyai kanser tisu limfoid dan kulit.

MOFECON-GR (MYCOPHENOLIC ACID GASTRO-RESISTANT TABLETS)

Mycophenolic Acid (as Mycophenolate Sodium) (180, 360 mg)

Kesan-kesan sampingan lain termasuk keletihan, kesusahan tidur, sakit perut, sakit dada, sakit semasa kencing, sakit otot, sakit kepala, selesema dan bengkak.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers-> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Mofecon-GR

- Penyimpanan

Simpan ubat ini jauh dari penglihatan dan pencapaian kanak-kanak. Simpan di tempat suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya and kelembapan.

- Pelupusan

Jangan buang apa-apa ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan anda yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Mofecon-GR 180 ialah tablet berwarna hijau, salutan enterik, berbentuk bulat dan diukir dengan "C 1" pada satu permukaan.

Mofecon-GR 360 ialah tablet berwarna merah muda, salutan enterik, berbentuk bujur dan diukir dengan "C 2" pada satu permukaan.

-Bahan-bahan kandungan

Mofecon-GR 180:

Setiap tablet mengandungi Mycophenolic Acid 180 mg.

Mofecon-GR 360:

Setiap tablet mengandungi Mycophenolic Acid 360 mg.

-Nombor MAL

MALXXXXXXACZ

Pengilang

Concord Biotech Limited
297-298/2p, Siyawada, Valthera,
Ahmedabad, Gujarat 382225, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Berhad
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/09/2022

Nombor Siri

NPRA (R2) 22/074